

| | | | |
|------------|------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Mangsa kebakaran dapat rumah | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia (Timur) | | |
| Date | 05 Mar 2018 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 17,000 |
| Page No | 27 | Readership | 51,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 248 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,132 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,396 |



Mangsa kebakaran dapat rumah

Oleh **NURAIKHA SHARIPUL BAHARI**

utusankelantan@utusan.com.my

KOTA BHARU 4 Mac - Hasni Hasnim dan keluarganya yang kehilangan rumah mereka selepas musnah dalam kebakaran di Kampung Surau Kota, di sini pada 16 Januari lalu, lega apabila Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M) mereka bakal siap menjelang Hari Raya Aidilfitri.

Hasni, 36, bersama lapan ahli keluarganya yang kini menumpang di rumah abangnya di Jalan Puteri Saadong meluahkan rasa syukur dengan pembinaan rumah baharu tersebut.

"Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana membantu merealisasikan impian kami sekeluarga untuk memiliki rumah baharu bagi menggantikan rumah pusa-ka yang hangus dalam kebakaran, Januari lalu.

"Saya harap menjelang hari raya nanti, kami sekeluarga tidak lagi hidup menumpang dan sudah memiliki rumah sendiri," katanya selepas Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan dan Inden Kerja (RMR1M) di Kampung Surau Kota, di sini baru-baru ini.

Majlis disempurnakan oleh Pengerusi SPNB Mesra Sdn. Bhd.,



MOHAMED HASNAN CHE HUSSIN (dua dari kiri) bemesra mesra dengan pemohon dalam Majlis Penyerahan Sijil Kelayakan dan Inden Kerja (RMR1M) di Kampung Surau Kota, Kota Bharu, Kelantan, baru-baru ini.

Datuk Mohamed Hasnan Che Hussin.

Dalam majlis sama, sebanyak 35 inden kerja RMR1M diserahkan kepada 10 kontraktor terpilih bagi peringkat Parlimen Kota Bharu.

Sementara itu, Mohamed Hasnan berkata, di Kelantan, sebanyak 11,670 permohonan diterima bagi tempoh bermula 2002 sehingga 31 Januari dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,149 permohonan telah diluluskan dengan 6,134 unit

rumah berjaya disiapkan.

"Setakat ini 776 unit dalam proses pembinaan, 239 permohonan lagi sedang dalam peringkat dokumen perjanjian dan 1,423 pemohon pula masih dalam senarai menunggu.

"Sebanyak RM448.2 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan RMR1M di negeri ini dan dari jumlah itu, RM141.58 juta subsidi telah diberikan kepada pemohon yang layak," katanya.